

Akademika 89(Isu Khas/Special Issue), 2019: 139-149

<https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-12>

Kebitaraan Peribahasa Melayu dalam Komunikasi

The Excellence of the Malay Proverb in Communication

SHAIFUL BAHRI MD. RADZI

ABSTRAK

Artikel ini membicarakan peribahasa Melayu dengan tumpuan khusus ke atas peribahasa tipu daya dan pura-pura dari segi binaannya bagi melihat kebijaksanaan orang Melayu dalam menciptanya. Kelakuan jahat melalui kepura-puraan ini hadir berselindung di sebalik rupa paras dan lemah lembut berbicara bagi memperdaya mangsa untuk kepentingan diri. Data peribahasa ini dikutip daripada Kitab Kiliran Budi susunan Munsyi Sulaiman yang pertama kalinya diterbitkan pada tahun 1906. Dari segi binaan, motif rupa fizikal sesuatu benda yang cantik menjadi kiasan perbandingan kepada kepura-puraan. Madu dan tebu yang manis dipertentangkan dengan hempedu yang pahit serta potongan pepat-rencong yang berlawanan sifatnya digunakan pula sebagai kiasan perbandingan bagi orang yang berpura-pura menerusi lemah lembut berbahasa. Paduan antara kesesuaian motif dan perilaku yang diungkap itu menyerlah perbezaan antara yang tersurat dan tersirat pada diri yang orang berpura-pura. Jumlah peribahasa ini yang besar dalam perbendaharaan warisan memberikan peringatan tentang betapa jahatnya sikap ini yang boleh membawa kemudaratan masyarakat. Dalam komunikasi, orang yang mahir berperibahasa akan dapat memanfaatkan pengetahuannya dalam menyedarkan masyarakat supaya berhati-hati ke atas orang yang bersifat demikian.

Kata kunci: Peribahasa; pura-pura; rupa paras; lemah-lembut bercakap; komunikasi

ABSTRACT

This article discusses the Malay proverb with a special reference to the proverbs of deceit and feign in terms of its construction to see the wisdom of the Malays in creating them. This bad behaviour of feign comes in two conditions, with good looks and gentle talk to deceive the victim to self-interest. The data of this proverb is taken from the Kitab Kiliran Budi compiled by Munshi Sulaiman, was first published in 1906. In terms of construction, the motive of physical appearance of good looks became the comparison of feign through the good appearance. Whereas sweet honey and sugar cane contrasted with bitter gall and straight-slanting cuts to the contrary in nature are used AS comparison motives for people who pretend through gentle language. The suitability of motives and the behaviour discussed revealed the striking difference between what is seen and what is hidden of self-pretend. The vast total of this proverb of deceit and feign in the repertoire of heritage shows how evil this attitude AS it could bring harm to the society. In communications, a skilled person in Malay proverbs will be able to leverage their knowledge in enlightening the public to be cautious about such people.

Keywords: Proverb; feign; good appearance; gentle talk; communication

PENGENALAN

Sekeping gambar dapat menjelaskan penerangan yang beribu kata. Penerangan yang beribu kata pula dapat dijelaskan dengan seungkap peribahasa. Jimat kata padat makna. Peribahasa mampu memberikan ketepatan siratan makna ke atas sesuatu situasi yang ingin ditanganinya. Sifat peribahasa

yang sedemikian membolehkan bentuk puisi lisan ini dianggap ‘mutiara tamadun bangsa’ dek ketinggian unsur kefalsafahan yang dikandunginya. Susunan katanya indah dan menarik. Lebih-lebih lagi, peribahasa membawa maksud bijaksana bagi digunakan sebagai bandingan, nasihat dan pengajaran (Ismail Hamid 1987). Elemen indah penyampai nasihat, ajaran, nilai-nilai moral dan

perbandingan melalui ungkapan metafora (Susana 2010). Bahasanya tepat pengertiannya berkesan. Mudah diingat, serta menjadi pegangan dan buah pertuturan yang diselitkan sama ada di dalam pertuturan formal mahupun tidak. Peribahasa bertindak sebagai alat mengajar moral yang membina khususnya ke atas sesuatu tingkah laku buruk. Menegur secara berhemah jauh daripada menyinggung perasan. Teguran itu lazimnya berbentuk sindiran yang menusuk jiwa insan sasaran yang disampaikan secara kiasan bersahaja. Bak kata pepatah Melayu, ‘binatang alah palu, manusia alah sindir’. Za’ba (1962: 188) mengumpamakan peribahasa sebagai perhiasan berbahasa. Memiliki kemahiran berperibahasa dalam berkomunikasi menjadikan seseorang itu celik bahasa.

Banyak orang banyak ragamnya. Baik buruk ragam ditentukan pekerti yang dipengaruhi didikan dan persekitaran. Sebagai alat kawalan sosial, peribahasa mampu bertindak sebagai wadah pembentuk sahsiah memandangkan bentuk puisi lisan ini sarat dengan teguran nasihat tentang perilaku walaupun mengutamakan yang buruk. Dalam membina ungkapan peribahasa yang tepat dan berkesan, orang Melayu tidak lari daripada menyentuh empat motif utama; binatang, tumbuhan dan tanaman, benda dan alam sekitar yang meliputi bentuk muka bumi dan fenomena alam (Abdullah Hussain 1997). Sifat semula jadi motif diambil kira agar berpadanan dengan perilaku yang cuba ditangani bagi menimbulkan suatu kesamaran dalam menerbitkan kiasan seterusnya menzahirkan makna. Dalam kes perilaku buruk, lazimnya unsur pertentangan antara motif dan perilaku amat dititikberatkan. ‘Batuk’ umpamanya, adalah bekas pencedok air di tempayan pada tepian tangga untuk membasuh kaki apabila menaiki rumah pada suatu masa dahulu. Kepentingannya amat tinggi bagi memudahkan air diambil tetapi turun mendadak selepas digunakan lalu tidak dihiraukan kemudiannya. Senario ini dipadankan dengan sikap individu yang tidak pandai menghargai jasa orang yang telah berbudi padanya sehingga terbit peribahasa ‘seperti melepaskan batuk di tangga’. Pemilihan dan padanan motif amat signifikan dalam pembinaan peribahasa. Ketepatan ini menyerlahkan kearifan tempatan masyarakat penciptanya serta berupaya mengangkat kebitaraan peribahasa Melayu dalam pemakaiannya ketika berkomunikasi.

MUNSYI SULAIMAN DAN PERIBAHASA MELAYU

Peribahasa penting dalam kehidupan. Kepentingannya terserlah dalam memperkatakan tentang amalan dan peraturan khususnya dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam kehidupan bermasyarakat pelbagai ragam manusia ditemui sepanjang masa sama ada berperilaku baik mahupun buruk. Menentukan yang baik dan buruk amat sukar kerana sifat semula jadi manusia bijak melindungi kelemahan diri. Dalam perbendaharaan kata Melayu, kata ‘perilaku’ ini bersinonim dengan beberapa kata lain; perangai, tabiat, fiil, kelakuan, tingkah laku, pekerti, sikap dan sahsiah. Jumlah kata yang pelbagai ini memperlihatkan betapa signifikannya perilaku ini diperkatakan sejak dahulu lagi sehingga terungkap dalam pelbagai genre sastera Melayu tradisional baik sastera lisan mahupun sastera bertulis dan peribahasa tidak terkecuali. Dari perspektif ini, dapat dilihat bahawa peribahasa boleh bertindak sebagai alat mendisiplinkan diri berbanding hukuman. Pentingnya peribahasa diperlihatkan Barat apabila puisi ini turut dikumpulkan bersama genre sastera Melayu lain termasuk pantun Melayu (Shaiful Bahri Md. Radzi (2003: 42) pada abad ke-19 yang kemudiannya diterbitkan dalam *JSBRAS*.¹ Sebaliknya, kumpulan peribahasa Melayu yang pertama diterbitkan oleh anak tempatan ialah karya Munsyi Sulaiman pada tahun 1906 berjudul *Kitab Kiliran Budi*.

Munsyi Sulaiman adalah panggilan umum buat Sulaiman Abdul Hadi bin Muhammad Nur. Beliau ayah Ibu Zain² dan datuk Adibah Amin³ yang dilahirkan sekitar tahun 1870 di Siak Sri Inderapura, Sumatera. Ketika berusia sembilan tahun, beliau mengikuti bapanya, Dato’ Siak berhijrah ke Tanah Melayu.⁴ Munsyi Sulaiman awalnya bersekolah di Sekolah Melayu Bukit Cina, Melaka dan seterusnya menyambung pelajaran di Maktab Melayu Singapura di Teluk Belanga.⁵ Tamat sekolah, beliau mengajar di Melaka di Sekolah Melayu Nyalas, Jasin. Munsyi Sulaiman terkenal ketika berkhidmat di Maktab Melayu Melaka⁶ (1901-1916). Di situ, beliau amat dihormati kerana ketegasannya selain kepakarannya dalam bahasa Melayu termasuk berpidato, berbicara, menggubah pantun dan syair serta penulisan kreatif. Za’ba (1939) mengakui kehebatan berbahasanya apabila mengatakan, “[h]ence his flair of figurative language and allegory, and his habit of speaking in parables.” Shahrarom Husain (1986) juga selari

dengan Za'ba apabila menyatakan, “[k]ebijaksanaan Munsyi Sulaiman dalam berkata-kata atau berpidato dan mengubah satu-satu rangkap syair dan pantun tanpa berpayah-payah berfikir lagi memang sukar ditandingi.”

Munsyi Sulaiman menjadi ‘munsyi’ kepada beberapa pegawai British termasuk Winstedt⁷ dan Shellabear⁸ bagi menguasai bahasa Melayu. Bersama anaknya Ibu Zain, beliau membantu Winstedt merumikan tulisan jawi beberapa karya termasuk tulisan Raja Haji Yahya dari Perak serta membantu Shellabear dalam kerja-kerja terjemahan. Sewaktu Maktab Melayu Melaka dipindahkan ke Larut, Perak pada 1916, Munsyi Sulaiman bersara lalu membuka penempatan baru di Bahau.⁹ Pada tahun 1919, beliau berpindah ke Muar dan akhirnya ke Johor Bahru mengikuti anaknya, Ibu Zain yang bertugas sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Perempuan Melayu Johor. Munsyi Sulaiman meninggal dunia pada tahun 1928 dan dikebumikan

di Makam Mahmudiah, Johor Bahru. Semasa hayatnya, beliau berjaya menghasilkan beberapa buah hasil karya yang begitu signifikan hingga ke hari ini termasuklah kumpulan peribahasa, *Kitab Kiliran Budi*.¹⁰

Munsyi Sulaiman menerbitkan karya ini bersama Shellabear pada tahun 1909 dalam tulisan jawi. Dalamnya termuat koleksi 1349 buah peribahasa. Di bahagian pengenalan karya ini, Munsyi Sulaiman mengakui bahawa sumber peribahasa ini sebahagiannya adalah kutipan daripada kitab-kitab yang telah sedia ada pada masa itu manakala selebihnya daripada individu yang mahir dalam menuturkannya. Tujuan penyusunan ini dilakukan adalah bagi dijadikan sebagai pedoman tentang peribahasa yang dapat dimanfaatkan dalam penulisan. Koleksi peribahasa ini diklasifikasikan kepada 10 fasal (kategori) berdasarkan tema seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Klasifikasi Peribahasa dalam *Kitab Kiliran Budi*

Fasal	Klasifikasi	Penerangan
1	Dari Hal Kaum Keluarga dan Isi Rumah	Tentang saudara-mara, ibu bapa dan anak-anak, suami isteri, berkasih dan kahwin serta perceraian dll.
2	Dari Hal Mencari Kehidupan	Tentang berniaga – untung rugi, rajin-malas, kaya-papa dll.
3	Dari Hal Tuah dan Malang	Tentang nasib manusia, malang-takdir, tuah, rugi-celaka dll.
4	Dari Hal Perentahan dan Adat Negeri	Tentang adat-lembaka, adil, kuasa-lemah dll
5	Dari Hal Percampuran	Tentang darjat – bangsawan-hina, nama baik-jahat, setia-kianat dll.
6	Pengetahuan dan Pelajaran	Tentang pandai-bodoh, beri-terima nasihat, pelihara diri dll.
7	Persahabatan dan Perkelahian	Tentang sahabat-seteru, berkumpul dengan baik-jahat dll.
8	Perangai dan Kelakuan Jahat	Tentang pelentehan dan nafsu jahat, tamak-lokek dll.
9	Dari Hal Kesenangan dan Kesusahan	Tentang senang-susah, suka-duka dll.
10	Dari Hal Berbagai-bagai Kelakuan dan Keadaan dan Perbandingan	Tingkah laku dan perangai dll.

Klasifikasi di atas memperlihatkan peribahasa Melayu mencakupi keseluruhan kehidupan orang Melayu. Kekeluargaan, mencari kehidupan, tuah dan malang, serta pemerintahan dan adat adalah antara perkara yang disentuh dalam peribahasa Melayu. Menariknya, daripada 10 klasifikasi yang digariskan

hanya fasal kelapan satu-satunya fasal yang secara khusus membicarakan perangai dan kelakuan jahat dan seterusnya dapat dibahagikan kepada empat jenis yang berbeza seperti diterjemahkan dalam Rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Fasal Kedelapan Perangai Dan Kelakuan Yang Jahat

Perangai dan kelakuan yang jahat ini dijelaskan Munsyi Sulaiman (1956: 122) sebagai, “[p]eri menyatakan perangai dan kelakuan yang jahat seperti pelentehan dan tamak tipu daya dan pura-pura bongkak rangah penyindiran.” Pelentehan bermaksud berjalan-jalan tanpa haluan. Apabila pelentehan digandingkan dengan nafsu jahat, pelentehan ini merujuk kepada individu yang suka berpelesiran yang menyebabkan dirinya terdedah kepada perkara dan perbuatan negatif termasuk jenayah dan maksiat. Antara peribahasa yang bernaung di bawah subkumpulan ini termasuklah ‘adakah buaya menolak bangkai,’ ‘anjing mengulang bangkai,’ ‘ada bangkai adalah hering,’ dan ‘bagai toman makan anak’. Sementara orang tamak dan lokek adalah juga dianggap mempunyai perilaku yang jahat. Dalam agama, tamak dan lokek ditegah kerana perilaku ini saling berkaitan. Tamak menyerlah sifat mementingkan diri tanpa menghiraukan hak orang lain. Rezeki yang didapati itu adalah pemberian Allah SWT dan sebahagian daripadanya adalah hak orang lain yang perlu diserahkan. Oleh itu, zakat dituntut sedekah digalakkan dalam Islam. Bersifat tamak dan lokek menidakkan hak orang lain dan merugikan diri sendiri baik di dunia mahupun di akhirat sehingga diabadikan dalam peribahasa seperti ‘bagai itik berebutan tembolok,’ ‘seperti anjing menggonggong tulang,’ ‘eh ka-lagi-lagi bagai Belanda minta Tanah,’ dan ‘digenggamnya tangannya’. Subkumpulan hina dan keji pula merujuk kepada kumpulan orang yang punyai pekerti yang jahat seperti pencuri, penjenayah, penipu, bebal, dan papa yang memperlihatkan kehinaan diri. Sehubungan itu, lahirlah peribahasa ‘seperti anjing kepala busuk,’ ‘bagai budak sapu hingus,’ ‘itik tak sudu ayam tak patuk,’ dan ‘anjing tiada bercawat ekor’. Satu lagi

kumpulan orang yang berperangai dan berkelakuan jahat yang dititikberatkan dalam peribahasa Melayu ialah orang yang memiliki sikap tipu daya dan pura-pura.

Dalam konteks ini, *Kitab Kiliran Budi* yang merupakan karya Munsyi Sulaiman (1906) yang juga kumpulan peribahasa Melayu yang pertama diterbitkan oleh anak tempatan ini akan dijadikan data utama kepada kajian teks ini. Sungguhpun begitu, kajian teks ini akan memfokuskan perbincangannya hanya kepada satu tema sahaja iaitu sikap tipu daya dan pura-pura daripada empat tema yang terdapat dalam fasal kelapan, Perangai dan Kelakuan Jahat (tentang pelentehan dan nafsu jahat, tamak-lokek dll.). Bagi pentafsiran makna terhadap peribahasa tentang sikap tipu daya dan pura-pura dalam merungkai tindak tanduk individu yang bersikap sedemikian rupa serta menyerlahkan kebitaraan peribahasa Melayu dalam komunikasi ini maka teknik bacaan rapi akan dilaksanakan.

TIPU DAYA DAN PURA-PURA

Subkumpulan peribahasa tipu daya dan pura-pura merupakan kategori ‘perangai dan kelakuan jahat’ yang besar sekali jumlahnya dalam karya *Kitab Kiliran Budi* ini. Tipu daya dan pura-pura ini merujuk kepada usaha memperdaya atau menipu seseorang bagi meyakinkan mangsa sasaran. Melalui usaha ini, pemangsa dapat mengaburi kejahatan diri akibat kekurangan yang dimiliki bagi menzahirkan sebaliknya. Kesemua peribahasa ini berjumlah 48 buah (No. 1077 hingga No. 1145) dengan pelbagai senario penipuan dan kepura-puraan dilakukan dalam kelangsungan hidup manusia Melayu yang dipamerkan. Senario ini memperlihatkan betapa signifikan perilaku ini diambil perhatian sehingga diabadikan dalam perbendaharaan warisan peribahasa Melayu. Sekiranya ditelusuri secara mendalam terdapat pelbagai jenis tipu daya dan pura-pura dalam kehidupan ini dilakukan oleh individu dalam usaha mencari helah untuk memperdaya atau menipu bagi kepentingan diri. Perbuatan tipu daya dan pura-pura ini dibuat bagi melindungi niat seseorang itu daripada terzahir secara terbuka dalam tindakan khianat, menganiayai, memfitnah, membanggakan diri, meraih sanjungan, menaikkan kedudukan dan meninggikan status. Helah tipu daya dan pura-pura dilakukan antara lainnya melalui bermuka-muka, menyamar, menumpang sifat orang lain, gunakan paras rupa, berbahasa lemah lembut, rangah – bersikap angkuh, congkak, pongah dan sombong dengan bercakap besar membangga diri;

membanggakan diri apabila dipuji; menunjukkan kelebihan diri dalam pelbagai aspek seperti kepandaian, harta benda, berbelanja, berpakaian dan bercuti. Tabiat buruk yang diterjemahkan dalam peribahasa ini berfungsi sebagai peringatan agar

sentiasa berhati-hati dan berwaspada supaya tidak terjebak kepada semu (perangkap) pemangsa lebih-lebih lagi sekiranya rupa paras dan lemah lembut berbicara sebagai umpan seperti digalurkan dalam peribahasa di Jadual 2 berikut:

JADUAL 2. Peribahasa Tipu Daya dan Pura-Pura Menggunakan Paras Rupa dan Lemah Lembut Percakapan

No.	Peribahasa	Makna	Kaedah
1086.	Masak di luar mentah di dalam	Orang yang kelihatan baik pada zahirnya tetapi di dalam hatinya jahat	Paras rupa
1087.	Bagai tabut Keling di luar berkilat di dalam berongga	-sda-	Paras rupa
1088.	Nasi sedap gulai mentah gulai sedap nasi mentah	Kejahatan rupa oleh laku atau kejahatan laku oleh rupa	Paras rupa
1089.	Bagai timun dendang di luar merah di dalam pahit	Baik pada rupa sahaja tetapi hati jahat selalu pada perempuan	Paras rupa
1090.	Di luar bagai madu di dalam bagai hempedu	Segala tipu daya itu selalu diluluskan dengan perkataan yang lemah lembut dan lemak manis.	Lemah lembut percakapan
1091.	Di luar merah di dalam pahit	-sda-	Lemah lembut percakapan
1092.	Tanam tebu di bibir mulut	Seseorang yang memaikan perkataannya kerana sesuatu kehendaknya tetapi di dalam hatinya lain	Lemah lembut percakapan
1093.	Pepat di luar rencong di dalam	Seseorang yang melakukan yang baik di mulut jua tetapi hatinya bersalah niat (bersalahan mulut dengan hati)	Lemah lembut percakapan
1094.	Manis mulutnya bercakap seperti santan manisan di dalam pahit bagai hempedu	Pertuturan yang lemak manis itu selalu dalamnya berisi tipu semu	Lemah lembut percakapan
1095.	Ibarat burung mulut manis jangan dipakai	Tiap-tiap perkataan yang lemak manis itu selalu berisi semu dalamnya maka orang yang bodoh lekas ia terjatut dalam yang demikian	Lemah lembut percakapan

PARAS RUPA

Ibarat fatamorgana di padang pasir ketika panas terik matahari. Dari kejauhan kelihatan berkelemayar dan sering disangka air. Kemunculannya memberikan harapan buat musafir sesat yang kehausan berhari-hari. Apabila diselidiki, nyata harapan yang diharapkan itu adalah kepalsuan, yang ada hanyalah padang pasir kering tanpa setitis air. Keadaan ini selari dengan siratan makna peribahasa kategori tipu daya dan pura-pura ini memandangkan wujudnya dua keadaan yang bertentangan, tersurat dan tersirat. Dalam keadaan tersurat, terzahir yang baik-baik dan indah-indah tetapi yang tersirat terpendam merupakan yang buruk dan jahat terutama sekiranya helah tipu daya dan pura-pura itu berlaku apabila berselindung di sebalik paras rupa.

1086. Masak di luar mentah di dalam

Peribahasa 'masak di luar mentah di dalam' membawa maksud orang yang kelihatan baik pada zahirnya tetapi di dalam hatinya jahat. Kata 'masak' di sini merujuk kepada dua motif yang berbeza, sama ada buah atau masakan khususnya lauk seperti ikan, daging, ayam serta kuih. Buah-buahan seperti mangga, cempedak dan nangka umpamanya akan memberikan kecantikan fizikal yang menarik apabila masak terutama dari segi warnanya yang berkilat, sekata dan berseri. Sekiranya mangga masak, warnanya kuning menyala. Cempedak memberikan warna hijau kekuningan manakala nangka kuning kemerahan apabila masak. Warna juga tidak menjamin buah

itu masak. Bau harum serta tidak benyek apabila ditekan memberikan kepastian bahawa buah itu sememangnya masak dan segar. Kini buah-buahan tidak masak secara semula jadi di pokok. Industri pertanian sekarang menggalakkan proses pemeram buah-buahan. Sekiranya proses pemeraman tidak dilakukan dengan betul akan kedapatan buah-buahan yang kelihatan masak dari luar tetapi tidak di sebelah dalam. Kebiasaannya, isi buah itu sama ada masih mengkal atau masak layu lalu dipinggirkan kerana tidak enak dimakan. Keadaan yang sama juga berlaku pada masakan seperti lauk dan kuih. Kawalan api dapur yang tidak sempurna terutama terlalu besar akan menghasilkan masakan tidak sempurna, di luar masak di dalam mentah. Sehubungan itu, kedudukan yang berlawanan antara luar dan dalam itu menjadi fokus penting kepada peribahasa ini. Imej yang bertentangan inilah yang diterapkan oleh orang Melayu dalam membina peribahasa bagi dikiaskan dalam memperlihatkan perilaku manusia yang suka berpura-pura. Rupa paras yang baik dan cantik mengaburi sifat dirinya yang sebenar jahat sehingga memerangkap persepsi orang terhadapnya.

1087. Bagai tabut Keling di luar berkilat di dalam berongga

Tabut adalah istilah khas bagi peti anugerah Allah SWT kepada Nabi Musa AS yang di dalamnya mengandungi kitab Taurat. Hakikatnya tabut adalah peti. Pada masa dahulu, orang bergerak merentasi sempadan wilayah melalui pelayaran. Belayar memakan masa yang panjang. Oleh itu, bekas menyimpan barang mesti kuat, kukuh dan tahan lasak. Lazimnya, peti digunakan bagi mengisi pakaian dan barang keperluan peribadi pada masa dahulu berbanding beg beroda bagi orang sekarang. Dalam konteks ini, pada masa dahulu antara orang luar yang dilihat orang Melayu datang ke alam Melayu secara beramai-ramai ialah orang India yang datang sama ada sebagai pedagang mahupun mubaligh. Mereka dikenali oleh orang Melayu sebagai Keling, orang India yang beragama Islam seperti tergambar dalam karya-karya sastera Melayu tradisional khususnya sastera sejarah umpamanya *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* yang sebahagiannya menjadi rakyat Melaka pada zaman itu apabila berkahwin dengan rakyat tempatan. Kebiasaannya, kedatangan mereka membawa bersama-sama peti yang diperbuat daripada besi. Peti ini biasanya cantik, kukuh dan kuat sehingga dipadankan orang

Melayu dengan tabut Nabi Musa AS. Dalam peti ini terdapat ruang-ruang simpanan barangan kecil dan besar serta termasuk ruang ‘tersembunyi’ bagi menyimpan benda-benda berharga dan penting yang dicipta khas bagi mengelak orang mengetahuinya. Keadaan inilah yang diibaratkan dengan istilah ‘berongga’. Sehubungan itu, dalam perniagaan kemungkinan berlakunya penipuan baik oleh peniaga mahupun pembeli menimbulkan pelbagai tuduhan antara kedua pihak yang bertelagah. Bagi orang Melayu mereka menyalahkan peniaga India sehingga tercipta peribahasa ‘bagai tabut Keling di luar berkilat di dalam berongga’ ini. Penciptaan ini adalah kiasan kepada senario tuduhan orang Melayu terhadap orang yang mempunyai perawakan yang baik tetapi mempunyai hati yang jahat dan sering kali berpura-pura dalam semua hal bagi memperdaya orang bagi kepentingan diri.

1088. Nasi sedap gulai mentah gulai sedap nasi mentah

Kadang-kala rupa paras secara langsung dapat menggambarkan perilaku seseorang yang sememangnya buruk. Dalam hal yang sama, perilaku yang buruk itu juga dengan sendirinya dapat menggambarkan rupa dirinya yang buruk. Ini bermakna bahawa bagaimana bijak sekali dia berusaha sedaya upaya untuk berpura-pura memperdaya orang bagi mengelak dirinya yang jahat tetap tidak berjaya. Baik rupa mahupun perangnya sudah sedia dimaklumi umum, jahat. Keadaan ini tergambar dalam peribahasa, ‘nasi sedap gulai mentah gulai sedap nasi mentah’ yang bermaksud kejahatan rupa oleh laku atau kejahatan laku oleh rupa. Dalam konteks ini, nasi dan gulai digunakan sebagai motif bagi kiasan kepada perbandingan bagi menyerlahkan sifat kepura-puraan itu. Nasi mesti dimakan bersama-sama dengan gulai, tanpa mengira sama ada gulai ayam, daging mahupun ikan. Baik nasi mahupun gulai itu mesti masak dengan sempurna bagi mengelak kemudaratan. Sekiranya salah satunya tidak masak tetapi dimakan juga maka si pemakannya akan mengalami sakit perut.

1089. Bagai timun dendang di luar merah di dalam pahit

Kata ‘dendang’ membawa maksud yang pelbagai; nyanyian, sejenis burung gagak dan sejenis kumbang yang berwarna perang kemerah-merahan. Dalam perspektif peribahasa ini, dendang merujuk kepada kumbang memandangkan timun dendang memiliki warna yang serupa, perang kemerah-

merahan. Timun ini jarang ditemui dan tidak sesuai dimakan kerana rasanya yang pahit. Sekiranya, dalam suatu longgokan timun yang hijau terselit sebiji timun dendang tentu sahaja akan menyerlah kehadirannya dalam longgokan itu. Warnanya yang perang kemerah-merahan menyerlahkan kecantikannya berbanding timun lain yang berwarna hijau. Keadaan ini dikiaskan oleh orang Melayu terhadap perilaku manusia Melayu yang mempunyai paras rupa yang baik tetapi berkelakuan jahat suka berpura-pura sehingga diabadikan dalam peribahasa ini. Sifat semula jadi motif itu diambil kira agar berpadanan dengan perilaku yang cuba ditangani bagi menimbulkan suatu kesamaran dalam menerbitkan unsur kiasan.

LEMAH LEMBUT PERCAKAPAN

Berbanding paras rupa yang berfokus kepada sifat fizikal yang menekankan kepada kecantikan luaran dan paras rupa, peribahasa kategori tipu daya dan pura-pura bermotifkan lemah lembut percakapan menitikberatkan deria rasa, manis dan pahit. Manis dan pahit mempunyai sifat rasa yang bertentangan atau berlawanan yang dijadikan sebagai imej perbandingan dalam memperkatakan sifat manusia yang berbeza antara yang terzahir dan terselindung, tersurat dan tersirat dalam memasang perangkap menjerat mangsa. Menerusi lemah lembut bicara biasanya mangsa akan terpedaya dengan pujuk rayu dan lembut lidah berkata-kata seperti tergambar dalam peribahasa di bawah.

1090. Di luar bagai madu di dalam bagai hempedu

Peribahasa ‘di luar bagai madu di dalam bagai hempedu’ membawa maksud segala tipu daya itu selalu diluluskan dengan perkataan yang lemah lembut dan lemak manis. Di sini motif perbandingan yang digunakan adalah madu dan hempedu. Keduanya jelas memberikan sifat semula jadi deria rasanya yang bertentangan, manis dan pahit. Manis madu diambil dari lebah sememangnya manis, lemak dan sedap rasanya. Sesuatu yang manis semestinya sedap. Sedap menjadi ukuran kepada kelazatan makanan Melayu yang pelbagai jenis. Sebaliknya, hempedu adalah cecair yang berwarna perang yang dihasilkan limpa bagi membantu penghadaman makanan dan adalah pahit rasanya. Selain hempedu, dalam minda Melayu, jadam yang merupakan sejenis tumbuhan dan dijadikan herba kesihatan juga diasosiasikan dengan imej yang pahit sehingga terdapat pepatah, ‘pahit macam jadam’.

Berdasarkan peribahasa ini, jelas tergambar dua keadaan yang berbeza, sesuatu yang terzahir itu sesuatu yang baik (manis) manakala sesuatu yang terselindung itu selalunya buruk (pahit). Dalam keadaan inilah dikiaskan kepada cara seseorang itu memasang perangkap bagi memperdaya mangsa sasarannya. Menerusi percakapan yang lemah lembut, halus ditambahi dengan suara yang disuarakan secara perlahan dan tidak meninggi diusahakan oleh seseorang yang jahat itu dalam tipu dayanya bagi memudahkan mangsa memasuki jerat yang sedia menganga.

1091. Di luar merah di dalam pahit

Peribahasa ‘di luar merah di dalam pahit’ memberikan maksud yang sama seperti peribahasa ‘di luar bagai madu di dalam bagai hempedu’ – segala tipu daya itu selalu diluluskan dengan perkataan yang lemah lembut dan lemak manis. Beza antara kedua-dua peribahasa ini hanyalah dari segi penggunaan warna merah dan bukannya memakai motif madu dan hempedu seperti peribahasa di atas. Merah warna yang terang dan dapat menarik perhatian orang. Secara lazimnya, merah warna tipikal Melayu yang amat digemari. Sesuatu yang merah dianggap cantik dan menarik. Secara umumnya, pemakaian peribahasa ini dipakai dalam keadaan orang yang dijadikan sasarannya telah sedia diketahui umum suka bercakap lemah lembut tetapi penuh tipu muslihat ingin memperdaya orang. Cukup sekadar menyatakan ‘merah di luar pahit di dalam’ orang sudah sedia maklum akan perlakuan jahat yang cuba diselindunginya.

1092. Tanam tebu di bibir mulut

Satu lagi unsur manisan bagi orang Melayu selain madu daripada binatang ialah tebu. Tebu tanaman kontan yang dapat mengeluarkan hasil selepas tujuh atau lapan bulan ditanam. Tanaman ini ditanam bagi mendapatkan manisannya manakala dikilangkan untuk menjadikannya sebagai gula pasir bagi kegunaan penyediaan makanan harian dalam kehidupan. Manis dan manisan ini juga dikaitkan pertuturan yang lemah lembut seseorang. Dalam peribahasa ‘tanam tebu di bibir mulut’ memberikan pengertian seseorang yang memaniskan perkataannya kerana sesuatu kehendaknya tetapi di dalam hatinya lain. Dalam erti kata lain, seorang itu akan sedaya upaya cuba memenangi hati orang ingin diperdayanya dengan kata-kata yang molek, indah dan menggembirakannya termasuk pujian dan pujuk

rayu sekiranya perlu sehingga hajatnya tercapai. Keadaan ini disamakan dengan sifat semula jadi tebu yang manis dan tanaman tebu mempunyai jangka waktu yang tertentu bagi membesar dan tua sebelum ianya dituai untuk digunakan, dimakan mahupun dikilangkan. Kemanisan tebu itu juga semakin bertambah seiring dengan pembesarnya sehingga ke hari tebu itu dituai agar memberikan pulangan yang berbaloi. Dalam konteks ini, frasa ‘tanam tebu di bibir mulut’ sudah sedia memberikan gambaran keadaannya bersifat sementara dan terhad dari segi waktu. Memaniskan kata-kata hanya terhad kepada ketika menghendaki sesuatu itu tercapai walaupun di dalam hatinya lain daripada yang diujarkan terhadap mangsa sasarannya.

1093. Papat di luar rencong di dalam

Papat dan rencong merujuk kepada cara potongan ke atas sesuatu objek yang lurus memanjang seperti batang kayu, buluh dan rotan termasuk sayur-sayuran seperti kacang panjang, kacang buncis dan bendi. Papat bermaksud potongan yang lurus atau tegak berbanding rencong yang dikerat secara senget, serong atau sendeng. Sama ada potongan papat atau rencong pada batang kayu, buluh dan rotan kedua-duanya tetap berbahaya dan mampu membawa kemudaran kepada mangsa. Bezanya, kayu, buluh atau rotan yang dipotong papat ia tidak mendatangkan luka mahupun kematian berbanding dipotong rencong. Potongan rencong akan menjadikan bahagian hujung batang kayu, buluh atau rotan itu meruncing dan berbilang tajam sehingga menjadi senjata yang mampu untuk mencedera dan membunuh sekiranya ditusuk ke tubuh badan. Bambu atau buluh runcing juga dijadikan senjata terkenal rakyat Indonesia dalam kebangkitan mereka menentang kemasukan semula penjajah Belanda selepas Perang Dunia Kedua bagi mendapatkan kemerdekaan pada tahun 1945. Sebaliknya, dalam potongan sayur seperti kacang panjang, kacang buncis dan bendi akan menyerlahkan kesenian dan kerajinan pemotongannya berbanding potongan yang papat lurus. Dua keadaan potongan yang berbeza ini dikiaskan kepada perilaku orang yang suka berpura-pura apabila berbicara. Antara yang diujarkan dan yang terniat di hatinya bercanggahan antara satu sama lain. Oleh itu, peribahasa ‘papat di luar rencong di dalam’ membawa maksud seseorang yang melakukan yang baik di mulut jua tetapi hatinya bersalah niat (bersalahan mulut dengan

hati). Maknanya agak selari dengan peribahasa ‘tanam tebu di bibir mulut’ tapi menggunakan motif yang berbeza.

1094. Manis mulutnya bercakap seperti santan manis di dalam pahit bagai hempedu

Peribahasa ‘manis mulutnya bercakap seperti santan manis di dalam pahit bagai hempedu’ membawa maksud pertuturan yang lemak manis itu selalu dalamnya berisi tipu semu. Dari segi motif yang digunakan agak bersamaan dengan peribahasa ‘di luar bagai madu di dalam bagai hempedu’ serta ‘di luar merah di dalam pahit’ iaitu rasa manis yang merujuk kepada pertuturan yang lemah lembut seseorang yang pandai berpura-pura. Sementara bahan manis itu pula bukan madu atau pun tebu tetapi santan manis. Santan manis adalah sekaya atau seri kaya yang diperbuat daripada adunan santan kelapa, telur dan gula yang dimasak bagi cicahan buat lempeng, roti dan sebagainya sebelum orang Melayu mengenali jem strawberi, epal, lemon dan nenas. Dalam konteks ini, walaupun kiasan yang disampaikan itu amat jelas tentang si pura-pura yang bijak menggunakan pertuturannya yang lemah lembut tetapi yang dititikberatkan dalam peribahasa ini ialah semu atau perangkap. Hal ini bermakna seseorang harus berwaspada apabila bertembung dengan orang yang berkelakuan sedemikian rupa. Kecenderungannya untuk melakukan kejahatan penuh muslihat adalah tinggi. Apabila datang kesempatan masa yang sesuai pasti perangkap akan dipasang dalam kelekaan mangsanya.

1095. Ibarat burung mulut manis jangan dipakai

Peribahasa ‘ibarat burung mulut manis jangan dipakai’ mempunyai maksud yang sama seperti peribahasa ‘manis mulutnya bercakap seperti santan manis di dalam pahit bagai hempedu’ di atas yang juga menitikberatkan tentang semu – perangkap. Bezanya hanyalah kepada penggunaan motif – burung yang berbunyi berbanding manusia yang bertutur. Membela burung adalah antara kegemaran segelintir manusia Melayu di masa lapang. Antara burung yang dipelihara bagi kemerduan suaranya ialah tekukur dan merbuk memandangkan burung-burung ini mampu dilatih untuk bersuara dengan merdu sehingga wujud pelbagai pertandingan yang menawarkan hadiah yang lumayan. Dari satu perspektif, peribahasa ini membawa maksud bahawa tiap-tiap perkataan yang lemak manis itu selalunya mempunyai perangkap yang cepat dapat

memerangkap orang yang cuai, leka, tidak berhati-hati, dan tidak ambil peduli yang dalam peribahasa ini dianggap ‘bodoh’. Dari perspektif yang lain pula, perlu disedari bahawa burung yang diajar itu baik tekukur mahupun merbuk sentiasa akan mengulang bunyi yang sama. Setiap kali bunyi yang dihasilkan oleh burung itu adalah bunyi yang sama yang sentiasa diulang-ulang. Dalam konteks ini, jelas sekali peribahasa ini memberikan peringatan bahawa orang yang berperangai sedemikian perlu dihindari kerana sememangnya tidak boleh dipercayai kerana punyai muslihat jahat berdasarkan binaan peribahasa itu yang menggunakan kata ‘ibarat’ dan ‘jangan dipakai’. Motif ‘burung dengan mulut manis’ yang digunakan di sini adalah bagi menggambarkan tabiat burung yang suka mengulangi bunyi yang sama dan tentunya selari dengan tabiat orang yang suka berpura-pura yang sentiasa akan mengulangi perbuatannya apabila kesempatan itu hadir.

KEBITARAAN PERIBAHASA MELAYU DALAM KOMUNIKASI

Manusia khalifah Allah di muka bumi. Dalam mengurus tadbir bumi yang luas terbentang ini sering berlaku perlumbaan dan persaingan antara sesama manusia. Masing-masing ingin merebut ruang dan peluang yang hadir. Dalam perlumbaan dan persaingan ini, ada yang berjaya dan ada yang gagal kerana setiap orang tidak memiliki kualiti diri yang sama. Antara mereka ada yang rajin dan gigih, berusaha dan tekun, bertuah dan bernasib baik serta tidak ketinggalan yang culas dan malas, jahat dan sombong. Maka timbullah pelbagai sifat buruk; tamak, haloba, iri hati, hasad dan dengki yang membawa kepada perbuatan dendam, khianat, aniaya, tipu, ancam dan bunuh apabila hasrat tidak tercapai. Marah melatari perbuatan negatif ini. Dalam marah segala bentuk kejahatan timbul diterjemahkan. Ada yang mengambil tindakan serta-merta bersemuka bertindak balas dan ada yang secara muslihat terancang menyusun gerak memasang perangkap berselindung di sebalik kepura-puraan bagi kepentingan diri. Sifat buruk kepura-puraan ini sukar dikesan dan kesannya amat buruk lebih-lebih lagi dalam kehidupan bermasyarakat sehingga diterjemahkan orang Melayu dalam pelbagai bentuk peribahasa.

Dalam konteks komunikasi, Amelia Abdul Aziz (1993) memperlihatkan bahawa evolusi pemikiran Melayu kini bertembung dengan inovasi

teknologi komunikasi serba canggih alam siber yang membawa kesan ke atas sosiobudaya masyarakat Malaysia. Sungguhpun begitu, peribahasa masih dapat dijadikan alat mendisiplinkan masyarakat memandangkan peribahasa adalah juga alat kawalan sosial walaupun dalam kehidupan masyarakat kontemporari yang serba maju, canggih dan pantas kini. Kerukunan bermasyarakat dapat dikekalkan bagi mengelak retak menjadi belah. Dalam peribahasa pelbagai sifat baik dan buruk disentuh agar yang baik itu dapat diteladani manakala yang buruk itu dapat disempadani. Mendisiplinkan diri berbanding hukuman dilangsungkan dalam komunikasi secara sindiran halus dan teguran berlapik dapat dilaksanakan menerusi peribahasa. Dalam konteks ini, terserlah signifikan peribahasa sebagai senjata tajam dalam berkomunikasi sehingga sering dikatakan bahawa ‘lidah lebih tajam daripada mata pedang’. Ketika berkomunikasi secara langsung mahupun tidak langsung biasanya peribahasa disampaikan oleh orang tua berpangkat bapa, emak mahupun tokoh tempatan yang dihormati yang arif dalam berperibahasa kepada insan yang menjadi sasaran teguran itu. Dalam teguran nasihat disampaikan. Kias ibarat peribahasa turut diadun agar perlakuan buruk yang menjadi punca masalah itu dapat dijelaskan bagi merungkai segala yang tersurat dan tersirat. Dalam konteks ini, peribahasa bertindak sama seperti genre sastera lain sebagai alat mengajar moral yang membina khususnya ke atas sesuatu tingkah laku buruk dalam menegur secara berhemah (Shaiful Bahri 2015) dan (Muhd Norizam & Shaiful Bahri 2015).

Kepekaan dan kreativiti orang Melayu terbukti dalam pembinaan peribahasa. Motif tempatan yang ada di sekeliling orang Melayu dimanfaatkan sebagai perlambangan dan simbol dalam membina peribahasa dengan bijak. Dalam peribahasa kategori tipu daya dan pura-pura, sifat fizikal yang menekankan kecantikan luaran sesuatu objek dipadankan kepura-puraan menerusi paras rupa manakala deria rasa manis-pahit pula buat orang yang menggunakan lemah lembut percakapan. Sifat semula jadi motif itu diambil kira agar berpadanan dengan perilaku yang ingin ditangani dapat menimbulkan suatu kesamaran dalam menerbitkan kiasan seterusnya menzahirkan makna. Kebijaksanaan ini menyerlahkan kearifan tempatan masyarakat penciptanya. Selain itu, penciptaan ini ingin menyedarkan masyarakat agar sentiasa berhati-hati kerana sifat kepura-puraan yang menggunakan muslihat paras rupa dan lembut berbicara adalah

umpama senjata tersembunyi yang boleh membawa kemudaratan kepada mangsa yang leka.

Kitab Kiliran Budi tulisan Munsyi Sulaiman memberikan pencerahan pemikiran bahawa perlakuan tipu daya dan pura-pura sememangnya telah berakar dan bertunas sejak dahulu lagi. Pelbagai senario penipuan dan kepura-puraan dilakukan dalam kelangsungan hidup manusia Melayu yang dipamerkan. Senario ini memperlihatkan betapa signifikan perilaku ini diambil perhatian sehingga diabadikan dalam perbendaharaan warisan peribahasa Melayu. Dalam keragaman hidup yang pelbagai ini terdapat manusia Melayu yang mempunyai perangai atau perilaku yang jahat khususnya berpura-pura dengan berselindung di sebalik rupa paras yang baik dan lemah lembut dalam berbicara. Dalam menggambarkan tabiat buruk ini orang Melayu menggunakan motif rupa fizikal sesuatu objek bagi menangani rupa paras manakala manisan buat lemah lembut berbahasa. Kesesuaian dalam paduan motif dan perilaku yang diungkap itu berupaya mengangkat kebitaraan peribahasa Melayu dalam pemakaiannya ketika komunikasi.

KESIMPULAN

Peribahasa Melayu tidak ketinggalan membicarakan perangai dan kelakuan yang jahat. Perangai dan kelakuan jahat ini diperincikan kepada empat jenis; pelentehan dan nafsu jahat, tamak dan lokek, hina dan keji serta tipu daya dan pura-pura. Keragaman perilaku ini ditimbulkan oleh keragaman hidup. Demi menjaga kesejahteraan kehidupan bermasyarakat, peribahasa ini dibina bagi memberi ingatan agar sentiasa berwaspada terhadap kewujudan manusia yang berperangai jahat dalam kalangan mereka. Baik dan jahat sentiasa hadir beriringan. Orang berperangai jahat yang berpura-pura selalunya berselindung di sebalik rupa paras yang baik dan lemah lembut dalam berbicara. Dalam binaan peribahasa Melayu, motif rupa fizikal sesuatu benda yang cantik seperti buah-buahan, masakan lauk, tabut dan kumbang menjadi kiasan perbandingan bagi orang yang berpura-pura menggunakan kelebihan rupa paras yang baik. Sementara itu, manisan, baik madu mahupun tebu dibandingkan dengan hempedu bagi menimbulkan cita rasa pahit-manis serta potongan pepat-rencong yang berlawanan sebagai kiasan perbandingan bagi orang yang berpura-pura menerusi lemah lembut berbahasa. Kesesuaian dalam paduan motif dan perilaku yang diungkap itu mampu menyerlah

perbezaan antara yang tersurat terzhahir dan tersirat terlindung baik menerusi paras rupa mahupun lemah lembut berbahasa.

Orang Melayu sedar keburukan orang yang berperangai pura-pura baik menggunakan kelebihan paras rupa mahupun lemah lembut bahasa. Mereka umpama gunting dalam lipatan dan juga musuh dalam selimut yang boleh membawa kepincangan kepada masyarakat. Sikap berpura-pura ini bertujuan memperdaya mangsa bagi mendapatkan kelebihan diri dalam pelbagai perkara semata-mata kerana mementingkan diri sendiri. Atas kesedaran ini pelbagai peribahasa bagi menangani sikap ini dicipta orang Melayu menggunakan motif-motif tempatan bersesuaian yang ada di sekeliling mereka bagi menimbulkan unsur kiasan yang bertentangan dalam menyerlahkan sikap kepura-puraan itu. Sikap sedemikian banyak tergambar dalam peribahasa warisan Melayu khususnya dalam *Kitab Kiliran Budi* susunan Munsyi Sulaiman. Memiliki kemahiran berperibahasa dalam berkomunikasi menjadikan seseorang itu celik bahasa kerana mampu membuat teguran dan menyampaikan nasihat dengan berkesan. Keberkesanan inilah yang memperlihatkan kebitaraan peribahasa Melayu buat peribahasanya mahupun pemakainya.

NOTA Hujung

- ¹ *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* kemudiannya bertukar menjadi *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* sebelum merdeka dan selepas merdeka menjadi *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* hingga kini.
- ² Tan Sri Hjh Zainun Sulaiman (1903-1989), seorang tokoh pendidik, ahli politik UMNO Johor dan juga pejuang kemerdekaan.
- ³ Adibah Amin, tokoh pendidik, penterjemah, wartawan, dan penulis.
- ⁴ Bapanya bergelar Dato' Seri Paduka Dewa dan lebih dikenali sebagai Dato' Siak. Dato' Siak seorang nasionalis, bersemangat kebangsaan yang tinggi dan antipenjajah. Akibat tidak sependapat dan kerap kali berselisih faham dengan Sultan Siak iaitu Sultan Hashim yang enggan menentang kemasukan pengaruh Belanda, Dato' Siak yang kecewa merajuk lalu 'membawa diri' ke Melaka pada tahun 1879 dengan hasrat untuk bekerja di Johor di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar kerana kagum akan kejayaan baginda mengekalkan kemerdekaan Johor (Ibu Zain 1974: 101).
- ⁵ Maktab Melayu Teluk Belanga merupakan maktab perguruan pertama di Negeri-Negeri Selat yang ditubuhkan pada tahun 1878 di Teluk Belanga, Singapura bagi melatih guru lelaki bagi sekolah vernakular Melayu (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* 1990: 1427-1428).
- ⁶ Maktab Melayu Melaka merupakan maktab perguruan yang ditubuhkan pada tahun 1900 atas usaha R. J.

- Wilkinson, Pemangku Nazir Sekolah-sekolah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Maktab ini berjaya melahirkan seramai 750 guru sebelum ditutup pada 1922 dengan tertubuhnya Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) atau Sultan Idris Training Collage (SITC) (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* 1990: 1427-1428).
- ⁷ Pegawai tadbir British dan juga sarjana Pengajian Melayu yang cenderung dalam bidang sastera, budaya dan sejarah. Buku terkenal yang dihasilkan beliau ialah *A History of Classical Malay Literature* yang diterbitkan dalam bentuk buku pada tahun 1969 yang asalnya diterbitkan dalam *JMBRAS* tahun 1939.
- ⁸ Paderi dan penterjemah Bible ke bahasa Melayu. Buku sastera Melayu terkenal yang disusunnya ialah *Sejarah Melayu*.
- ⁹ Usaha beliau mendapat perkenan Tuanku Muhammad, Yamtuan Besar Negeri Sembilan untuk membuka sebuah perkampungan di Sungai Kering, berhampiran Bahau yang dinamakan Pasuh Jaya Waras.
- ¹⁰ Munsyi Sulaiman juga menterjemahkan beberapa buku bahasa Arab ke bahasa Melayu seperti *Hikayat Malik Saifulzil-Yazan*, *Hikayat Rakasal Ghaul*, *Miftah Pengenalan* (1930) atau *Kisah Perjalanan* dan sebuah kamus *Bahrul-Muhidh* (Ibu Zain 1974: 104-105) serta *Kitab Gemala Hikmat*, koleksi teka-teki yang diterbitkan pada 1906 bagi menyuarakan pandangan 'nasionalismenya' dalam mengkritik British selain Melayu dan Cina (Siti Zubaidah Raja Muhamed 2015).

RUJUKAN

- Abdullah Hussein. 1989. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amelia Abdul Aziz. 1993. Kesan inovasi teknologi komunikasi kini ke atas sosiobudaya masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 9: 27-35.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajah Zainun Sulaiman (Ibu Zain). 1974. Temu bual, 18 Jun, 3 September, 5 September, 5 November dan 9 November 1974. Arkib Negara Malaysia, Petaling Jaya.
- Ismail Hamid. 1987. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md. Radzi. 2015. Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: satu analisis. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 183-194.
- Shaharom Husain. 1986. Munsyi Sulaiman semai semangat kebangsaan pada pelajar Melayu. *Berita Harian*.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2003. Pantun Suku Kaum Mah Meri. *Akademika* 62: 41-57.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2015. Si Tanggung moden dan pembangunan makna dalam cerita bermotifkan anak derhaka. *Jurnal Komunikasi* 31(2): 247-261.
- Siti Zubaidah Raja Muhamed. 2015. Ketokohan dan Pemikiran Munsyi Sulaiman: Satu Wacana Berdasarkan *Kitab Gemala Hikmat*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Muhammad Nur. 1956. *Kitab Kiliran Budi*. Singapura: Malaya Publishing House.
- Susana Widyastuti. 2010. *Peribahasa: Cerminan Keperibadian Budaya Lokal dan Penerapannya di Masa Kini*. www.durov.com/study/stylistics.175.doc.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1962. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1964. *Kalong Bunga, Pilehan dan Petekan Dari Rangkap2 Puisi Melayu Chara Lama. Buku 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shaiful Bahri Md. Radzi (corresponding author)
 Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 Malaysia
 E-mail: sbmr@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Februari 2019

